



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD		
TARIKH	:	29/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	JMG		

Tiada empangan semula jadi di puncak Gunung Jerai



Kosmo Ahad, 29 Ogos 2021_10

KEJADIAN aliran puing menyebabkan kerosakan infrastruktur dan menjejaskan penduduk di kaki Gunung Jerai di Yan baru-baru ini.

YAN – Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) tidak mengesan sebarang tanda atau bukti terdapat halangan yang membentuk empangan semula jadi di puncak Gunung Jerai di sini sebelum berlakunya runtuh tanah seterusnya aliran puing pada 18 Ogos lalu.

Ketua Cawangan Pakar Geologi Kejuruteraan JMG Malaysia, Dr. Ferdaus Ahmad berkata, hasil kajian dan siasatan di lapangan setakat ini belum menemui bukti kewujudan halangan seperti longgokan kayu yang menahan aliran air sehingga membentuk empangan sementara atau semula jadi.

"Setakat ini pihak kami hanya

mengenal pasti kesan-kesan runtuh tanah pada cerun gunung," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut beliau, sebelum kejadian, berlaku hujan lebat secara luar biasa dan air hujan meresap seterusnya melembutkan struktur tanah dan batuan di kawasan puncak gunung.

"Air hujan dalam kes ini merupakan faktor pencetus dan kejadian runtuh tanah berlaku dengan gabungan faktor penyumbang iaitu sudut cerun lebih 25 darjah, retakan pada batu seterusnya ketebalan tanah penutup yang nipis.

"Kejadian tanah runtuh ini seterusnya mengakibatkan berlaku

aliran puing sehingga menjejaskan penduduk yang tinggal di kaki Gunung Jerai," ujarnya.

Jelas beliau, berdasarkan gabungan faktor pencetus dan faktor penyumbang itu, pihaknya tidak menolak kemungkinan bencana sama boleh berulang di kawasan tersebut.

Mengulas tentang perancangan membina Empangan Sabo, beliau memberitahu, kajian mendalam perlu dilakukan berkaitan aspek teknikal oleh jabatan aspek seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia termasuk mendapatkan pandangan berkaitan aspek geologi.